



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

3 JUN 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG PROJEK IBU PEJABAT POLIS YANG TERBENGKALAI.

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memandang serius isu projek pembinaan Ibu Pejabat Polis dan Balai Polis yang terbengkalai seperti yang dilaporkan sebuah akhbar berbahasa Inggeris semalam dan akan memanggil semua kementerian memberikan keterangan terhadap PAC bagi menyasat mengapa isu berkenaan terus gagal ditangani.

Pada masa sama, PAC juga mahu tindakan tegas diambil kepada kontraktor yang gagal menyiapkan projek berkenaan mengikut jadual termasuk menyenaraihitamkan syarikat terbabit daripada mendapat semua projek kerajaan.

“Saya terkejut apabila membaca kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar apabila sekurang-kurangnya 14 Ibu Pejabat Polis di Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Sabah bernilai kira-kira RM1 billion masih gagal disiapkan sehingga ada yang sudah terbengkalai sejak 10 tahun lalu,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kegagalan menyiapkan projek infrastruktur keselamatan seperti itu, memberikan imej buruk kepada kerajaan sekaligus menimbulkan pelbagai keraguan dan persepsi negatif terhadap tender projek terbabit.

Katanya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak harus dipersalahkan dalam isu kelewatan pembinaan berkenaan, memandangkan pembinaan projek berkenaan terletak di bawah bidang kuasa Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kewangan (MoF).

Nur Jazlan berkata, soal kelewatan pembinaan infrastruktur kerajaan tidak boleh dipandang ringan kerana ia membabitkan kepentingan rakyat selain perancangan terhadap pembinaannya bukan baru dilakukan.

“Saya tidak faham mengapa soal kelewatan pembinaan projek kerajaan terus berlaku di negara ini, kita bukan baru membina bangunan kerajaan sudah lebih lima dekad sejak merdeka, jadi mengapa berlaku kelewatan.

“Dimanakah salahnya dan siapakah yang bersalah...seseorang perlu memberikan penjelasan dan memikul tanggungjawab terhadap kelewatan ini,” katanya.

Sehubungan itu, Nur Jazlan berkata, beliau akan meminta Jabatan Audit Negara untuk melakukan audit terhadap 14 projek pembinaan ibu Pejabat Polis berkenaan yang gagal disiapkan mengikut jadual.

“Saya juga akan menghubungi Ketua Audit Negara dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyasat perkara ini, jika berlaku kecuai, ketirisan dan penyelewengan sehingga menyebabkan ia gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan,” katanya.